

KERANGKA KOMPETENSI PENGETAHUAN KESELAMATAN DAN  
KESIHATAN PEKERJAAN BAGI MENINGKATKAN KESEDARAN  
PERSONEL BINAAN

ERITA MAZWIN BINTI MAZLAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

KERANGKA KOMPETENSI PENGETAHUAN KESELAMATAN DAN  
KESIHATAN PEKERJAAN BAGI MENINGKATKAN KESEDARAN  
PERSONEL BINAAN

ERITA MAZWIN BINTI MAZLAN

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan ijazah  
Doktor Falsafah

Fakulti Teknologi dan Informatik Razak  
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2020

## DEDIKASI

Tesis ini didedikasikan kepada suami tersayang, Nur Anbiah bin Abdul Aziz di atas sokongan dan pengorbanan dalam mengharungi tempoh yang panjang dengan penuh kesabaran.

Anak-anakku, Siti Aisyah, Siti Fatimah Az-Zahra, Siti Zulaikha dan Abdul Rauf yang sentiasa bersamaku.

Khas buat yang amat menyayangi dan tidak putus-putus mendoakan diri ini,

Bonda (Azizah binti Hj. Hussin), Ayahanda (Mazlan bin Abdullah),  
Bonda dan ayahanda mertua (Israkwati binti Jailani & Abdul Aziz bin Ahmad)

dan

semua ahli keluarga yang memberikan sokongan, dorongan dan motivasi juga tidak lupa mendoakan diri ini

## **PENGHARGAAN**

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih saya yang tidak terhingga ditujukan kepada Dr. Mohamad Syazli bin Fathi, atas segala komitmen dalam memberikan pandangan, bimbingan, panduan, tunjuk ajar yang diberikan kepada saya bagi menyiapkan kerja-kerja penyelidikan yang dijalankan. Tanpa bimbingan daripada mereka, kajian ini tidak mungkin akan berjaya.

Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga buat Prof. Ir. Dr. Mohd. Hanim bin Osman, Prof. Dr. Muhammad Sukri bin Saud, Prof. Dr. Ismail bin Said dan Prof. Madya Dr Zakaria bin Mohd Yusof dan juga agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam kajian rintis dan juga kajian sebenar yang saya jalankan iaitu Bahagian Pembangunan Personel, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH).

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada semua responden yang telah memberi kerjasama sepenuhnya dalam menjayakan kajian ini. Segala jasa dan perhatian daripada kalian akan sentiasa dikenang dan jutaan terima kasih saya ucapkan. Tidak lupa juga saya merakamkan penghargaan ini kepada semua rakan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di atas kerjasama yang amat bermakna dalam membantu menyiapkan kajian ini.

Semoga kajian ini dapat memberi sumbangan dan manfaat kepada semua, Inshaallah.

## ABSTRAK

Kajian ini memberi tumpuan kepada tahap kompetensi pengetahuan personel binaan yang dianggap lemah serta menjadi faktor yang menyebabkan kemalangan, kecederaan dan kematian pekerja di tapak bina. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia, 1.7 juta pekerja di seluruh dunia mati setiap tahun disebabkan oleh kecederaan dan penyakit pekerjaan. Oleh itu pendidikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) dan latihan keselamatan dianggap sebagai proses latihan yang berterusan untuk membantu personel binaan mempunyai kompetensi pengetahuan yang baik. Terdapat jurang di dalam kandungan modul pendidikan KKP dan topik latihan keselamatan dan ianya merupakan penyumbang kepada kurangnya keberkesanan kompetensi pengetahuan personel binaan. Matlamat utama kajian ini adalah untuk membangunkan kerangka kompetensi pengetahuan keselamatan dan kesihatan pekerjaan personel binaan. Objektif-objektif kajian ini telah dilaksanakan melalui 3 fasa. Fasa pertama menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mendapatkan data. Borang soal selidik diedarkan kepada 150 personel binaan yang mengikuti pendidikan KKP dan 424 personel binaan yang mengikuti latihan keselamatan. Data kuantitatif yang dikumpulkan dari responden dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan ujian *Kruskal Wallis*. Fasa kedua pula ialah pembentukan kerangka kompetensi pengetahuan KKP. Fasa terakhir ialah pengesahan kebolegunaan kerangka kompetensi pengetahuan KKP sebagai strategi penambahbaikan dalam meningkatkan tahap kompetensi pengetahuan personel binaan melalui temubual khas bersama kumpulan fokus iaitu golongan profesional yang terlibat dengan keselamatan di tapak bina. Kajian ini telah membangunkan 2 kerangka kompetensi pengetahuan KKP personel binaan iaitu kerangka kompetensi pengetahuan KKP dalam Pembinaan (Pengurusan) dan kerangka kompetensi pengetahuan KKP dalam Pembinaan (Individu). Dengan membangunkan kerangka kompetensi ini, personel binaan akan lebih kompeten dalam mempraktikkan pengetahuan KKP di tapak bina dengan memastikan persekitaran kerja selamat dan kerja yang dilakukan oleh pekerja mengikut panduan dan arahan yang betul. Kerangka kompetensi pengetahuan KKP juga boleh dijadikan sebagai salah satu strategi penambahbaikan terhadap tahap kompetensi pengetahuan KKP personel binaan pada masa akan datang.

## **ABSTRACT**

This study focuses on the competency level knowledge of construction personnel who is considered weak which becomes the contributing factor to accidents, injuries and death of construction workers. According to the World Health Organization, 1.7 million workers worldwide die annually due to work related injuries and illnesses. Occupational safety and health education (OSH) and safety training are considered as continuous training processes to help construction personnel develop good knowledge competencies. However, there are still gaps in the content of OSH education and safety training and they contribute to the lack of effectiveness of construction personnel knowledge competencies. Therefore, the main aim of this study is to develop a competency framework of knowledge on OSH construction personnel. The objectives of this study were implemented in 3 phases. The first phase used a quantitative approach for data acquisition. The questionnaire was distributed to 150 construction personnel who attended OSH trainings and 424 construction personnel who attended safety trainings. The quantitative data collected from the respondents were analysed using descriptive statistics and the Kruskal Wallis test. The second phase was the development of knowledge competency framework of OSH. The last phase was the validation of the use of knowledge framework of OSH as a strategy to improve construction personnel's level of knowledge through special interviews with focus group professionals from private sectors and governments that are directly involved in construction. This study has developed 2 competencies framework knowledge of OSH for construction personnel, namely competency framework in Construction (Management) and competency framework in Construction (Individual). By developing this competency framework of OSH, construction personnel will be more competent in applying the knowledge in construction by ensuring a safe working environment and work performed by employees to be in accordance with proper guidelines and directives. The knowledge competency framework of OSH can also be considered as one of the strategies to improve the knowledge level of construction personnel in the future.

## SENARAI KANDUNGAN

|              | TAJUK                                       | MUKA SURAT  |
|--------------|---|-------------|
|              | <b>PENGAKUAN</b>                            | <b>iii</b>  |
|              | <b>DEDIKASI</b>                             | <b>iv</b>   |
|              | <b>PENGHARGAAN</b>                          | <b>v</b>    |
|              | <b>ABSTRAK</b>                              | <b>vi</b>   |
|              | <b>ABSTRACT</b>                             | <b>vii</b>  |
|              | <b>SENARAI KANDUNGAN</b>                    | <b>viii</b> |
|              | <b>SENARAI JADUAL</b>                       | <b>xiii</b> |
|              | <b>SENARAI RAJAH</b>                        | <b>xvi</b>  |
|              | <b>SENARAI SINGKATAN</b>                    | <b>xvii</b> |
|              | <b>SENARAI SIMBOL</b>                       | <b>xix</b>  |
|              | <b>SENARAI LAMPIRAN</b>                     | <b>xx</b>   |
| <b>BAB 1</b> | <b>Pengenalan</b>                           | <b>1</b>    |
|              | 1.1 Pengenalan                              | 1           |
|              | 1.2 Latar Belakang Kajian                   | 2           |
|              | 1.3 Pernyataan Masalah                      | 5           |
|              | 1.4 Persoalan Kajian                        | 6           |
|              | 1.5 Matlamat dan Objektif Kajian            | 6           |
|              | 1.6 Kerangka Konsep Kajian                  | 7           |
|              | 1.7 Skop Kajian                             | 9           |
|              | 1.8 Kepentingan Kajian                      | 10          |
|              | 1.9 Limitasi Kajian                         | 10          |
|              | 1.10 Susunan Bab                            | 11          |
|              | 1.11 Rumusan                                | 13          |
| <b>BAB 2</b> | <b>SOROTAN KAJIAN</b>                       | <b>15</b>   |
|              | 2.1 Pengenalan                              | 15          |
|              | 2.2 Keperluan Personel Binaan di Tapak Bina | 15          |

|      |   |    |
|------|---|----|
| 2.3  | Kompetensi Pengetahuan dan Nilai Afektif  | 18 |
| 2.4  | Pendidikan KKP dan Latihan Keselamatan kepada Personel Binaan                               | 25 |
| 2.5  | Keperluan Pendidikan KKP  | 28 |
| 2.6  | Modul Pendidikan KKP  | 29 |
|      | 2.6.1 Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja  | 29 |
|      | 2.6.2 Perundangan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja   | 30 |
|      | 2.6.3 Kesihatan Pekerja dan Higien  | 31 |
|      | 2.6.4 Keselamatan Pekerja   | 32 |
| 2.7  | Keperluan Latihan Keselamatan   | 33 |
| 2.8  | Topik Latihan Keselamatan   | 38 |
|      | 2.8.1 Kekemasan dan Kebersihan  | 38 |
|      | 2.8.2 Hazad Kebakaran   | 40 |
|      | 2.8.3 Hazad Elektrik  | 41 |
|      | 2.8.4 Pengangkutan dan Loji Mudah Alih  | 42 |
|      | 2.8.5 Pengorekan  | 43 |
|      | 2.8.6 Kerja Bumbung   | 44 |
|      | 2.8.7 Bekerja di Jalan Raya   | 45 |
|      | 2.8.8 Hazad Kimia   | 45 |
|      | 2.8.9 Bekerja di Tempat yang Tinggi   | 46 |
|      | 2.8.10 Peralatan Perlindungan Peribadi (PPE)  | 47 |
| 2.9  | Peranan CIDB dan NIOSH dalam Pendidikan KKP dan Latihan Keselamatan                         | 48 |
| 2.10 | Pendekatan Pendidikan KKP dan Latihan Keselamatan Berasaskan Hasil Pembelajaran             | 50 |
|      | 2.10.1 Pendidikan KKP dan Latihan Keselamatan Berasaskan Kompetensi                         | 51 |
|      | 2.10.2 Perhubungan di antara Objektif, Hasil Pembelajaran Kursus dan Kompetensi Pengetahuan | 52 |
|      | 2.10.3 Kepentingan Pendidikan KKP dan Latihan Keselamatan                                   | 57 |
| 2.11 | Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (KKP) dalam Pembinaan                       | 65 |



|              |  |           |
|--------------|--|-----------|
| 2.11.1       | Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam Industri Pembinaan (Pengurusan) (OSHM) di Malaysia | 66        |
| 2.11.2       | Garis Panduan Pengurusan Keselamatan Kerja-Kerja Pembinaan di Jepun  | 67        |
| 2.11.3       | Garis Panduan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Geneva                              | 68        |
| 2.11.4       | Garis Panduan Peraturan Pembinaan (Reka Bentuk dan Pengurusan) 2015 di UK                                  | 69        |
| 2.11.5       | Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja di Singapura                                       | 70        |
| 2.12         | Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) dalam Pembinaan (Individu)                         | 79        |
| 2.13         | Rumusan  | 81        |
| <b>BAB 3</b> | <b>KAEDAH METODOLOGI</b>   | <b>83</b> |
| 3.1          | Pengenalan   | 83        |
| 3.2          | Rekabentuk Kajian  | 83        |
| 3.3          | Prosedur Penyelidikan  | 85        |
| 3.3.1        | Peringkat Persediaan Penyelidikan  | 85        |
| 3.4          | Peringkat Perlaksanaan Penyelidikan  | 89        |
| 3.4.1        | Skop Instrumen Kajian  | 89        |
| 3.4.1.1      | Pembinaan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU)   | 94        |
| 3.4.1.2      | Mentafsir Markah Jawapan Soal Selidik  | 96        |
| 3.4.1.3      | Indeks Kesukaran Item  | 97        |
| 3.4.2        | Kesahan  | 98        |
| 3.4.3        | Kebolehpercayaan   | 101       |
| 3.4.4        | Dokumen  | 104       |
| 3.5          | Penyelidikan Sebenar   | 105       |
| 3.6          | Teknik Analisa Data  | 106       |
| 3.6.1        | Kumpulan Fokus   | 107       |
| 3.7          | Rumusan  | 108       |

|              |  |            |
|--------------|--|------------|
| <b>BAB 4</b> | <b>DAPATAN KAJIAN</b>  | <b>109</b> |
| 4.1          | Pengenalan   | 109        |
| 4.1.1        | Objektif 1 – Tahap Kompetensi Pengetahuan Personel Binaan Berdasarkan Pendidikan KKP dan Latihan Keselamatan.  | 109        |
| 4.2          | Latar Belakang Demografi Personel Binaan   | 115        |
| 4.3          | Hasil Kajian - Pendidikan KKP dan Latihan Keselamatan  | 119        |
| 4.3.1        | Objektif 2 - Perbezaan Tahap Kompetensi Pengetahuan Personel Binaan Terhadap Kandungan Pendidikan KKP dan Latihan Keselamatan                          | 120        |
| 4.3.2        | Objektif 3 - Membangunkan kerangka kompetensi keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang boleh meningkatkan tahap kompetensi pengetahuan personel binaan | 142        |
| 4.4          | Rumusan  | 145        |
| <b>BAB 5</b> | <b>PERBINCANGAN</b>  | <b>147</b> |
| 5.1          | Pengenalan   | 147        |
| 5.2          | Tahap kompetensi pengetahuan personel binaan setelah mengikuti pendidikan KKP dan latihan keselamatan  | 147        |
| 5.3          | Perbezaan tahap kompetensi pengetahuan di kalangan personel binaan setelah mengikuti pendidikan KKP dan latihan keselamatan.                           | 152        |
| 5.3.1        | Pendidikan KKP   | 152        |
| 5.3.2        | Latihan keselamatan  | 155        |
| 5.4          | Membangunkan kerangka kompetensi keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang boleh meningkatkan tahap kompetensi pengetahuan personel binaan              | 160        |
| 5.5          | Rumusan  | 164        |
| <b>BAB 6</b> | <b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>  | <b>165</b> |
| 6.1          | Pengenalan   | 165        |
| 6.2          | Signifikan Penyelidikan Melalui Capaian Objektif   | 166        |
| 6.2.1        | Rumusan  | 166        |
| 6.2.2        | Sumbangan Hasil Kajian   | 167        |

|       |   |            |
|-------|---|------------|
| 6.3   | Cadangan Kajian Akan Datang                               | 168        |
| 6.3.1 | Cadangan kepada Bahagian Latihan untuk Industri Pembinaan | 169        |
| 6.3.2 | Cadangan Lanjutan   | 170        |
| 6.4   | Penutup   | 171        |
|       | <b>RUJUKAN</b>  | <b>172</b> |
|       | <b>SENARAI PENERBITAN</b>                                 | <b>209</b> |

## SENARAI JADUAL

| <b>NO. JADUAL</b> | <b>TAJUK</b>  | <b>MUKA SURAT</b> |
|-------------------|---|-------------------|
| Jadual 2.1        | Darjah kesukaran dalam pelaksanaan, jenis dan contoh kompetensi   | 22                |
| Jadual 2.2        | Kemahiran kerja dan kemahiran berfikir mengikut kumpulan pekerjaan  | 51                |
| Jadual 2.3        | Perhubungan di antara objektif, hasil pembelajaran kursus dan kompetensi pengetahuan serta nilai afektif bagi personel binaan berdasarkan pendidikan KKP      | 55                |
| Jadual 2.4        | Perhubungan di antara objektif, hasil pembelajaran kursus dan kompetensi pengetahuan serta nilai afektif bagi personel binaan berdasarkan latihan keselamatan | 56                |
| Jadual 2.5        | Topik yang terdapat di dalam pendidikan KKP serta hasil pembelajaran  | 59                |
| Jadual 2.6        | Topik yang terdapat dalam latihan keselamatan serta hasil pembelajaran  | 61                |
| Jadual 2.7        | Ringkasan Kandungan Garis Panduan KKP (Pengurusan) di Tapak Bina  | 72                |
| Jadual 2.8        | Ringkasan Kandungan Modul Pendidikan KKP  | 75                |
| Jadual 2.9        | Ringkasan Kandungan Latihan Keselamatan dalam Pembinaan (Individu)  | 80                |
| Jadual 3.1        | Penentuan saiz sampel dari populasi kajian  | 88                |
| Jadual 3.2        | Modul utama dan sub modul yang terdapat dalam pendidikan KKP  | 92                |
| Jadual 3.3        | Topik utama dan sub topik dalam latihan keselamatan   | 93                |
| Jadual 3.4        | Rumusan jadual spesifikasi ujian (JSU) untuk modul pendidikan KKP   | 95                |
| Jadual 3.5        | Rumusan jadual spesifikasi ujian untuk latihan keselamatan  | 96                |
| Jadual 3.6        | Skor dan kriteria pencapaian  | 97                |
| Jadual 3.7        | Nilai indeks kesukaran dan aras kesukaran item  | 97                |
| Jadual 3.8        | Hasil analisa aras kesukaran bagi soalan modul pendidikan KKP   | 98                |

|             |  |     |
|-------------|--|-----|
| Jadual 3.9  | Hasil analisa aras kesukaran bagi soalan latihan keselamatan   | 98  |
| Jadual 3.10 | Kriteria kebolehpercayaan  | 102 |
| Jadual 3.11 | Hasil analisa soalan untuk modul KKP   | 103 |
| Jadual 3.12 | Hasil analisa soalan untuk latihan keselamatan   | 103 |
| Jadual 3.13 | Interpretasi nilai pekali korelasi   | 107 |
| Jadual 3.14 | Interpretasi skor min  | 107 |
| Jadual 3.15 | Ringkasan analisis data kajian   | 107 |
| Jadual 4.1  | Statistik deskriptif bagi mengetahui tahap kompetensi personel binaan berdasarkan modul utama dan sub modul dalam pendidikan KKP               | 110 |
| Jadual 4.2  | Statistik deskriptif bagi mengetahui tahap kompetensi personel binaan berdasarkan topik utama dan sub topik di dalam latihan keselamatan       | 111 |
| Jadual 4.3  | Hubungan tahap kompetensi pengetahuan personel binaan berdasarkan pendidikan KKP   | 114 |
| Jadual 4.4  | Hubungan jam pembelajaran pendidikan KKP dengan tahap kompetensi pengetahuan personel binaan   | 115 |
| Jadual 4.5  | Taburan ciri-ciri demografi personel binaan yang mengikuti pendidikan KKP  | 117 |
| Jadual 4.6  | Taburan ciri-ciri demografi personel binaan yang mengikut latihan keselamatan  | 118 |
| Jadual 4.7  | Perbezaan tahap kompetensi pengetahuan personel binaan berdasarkan kandungan modul pendidikan KKP  | 121 |
| Jadual 4.8  | Perbezaan tahap kompetensi pengetahuan personel binaan berdasarkan kandungan topik latihan keselamatan   | 129 |
| Jadual 4.9  | Ringkasan keputusan ujian <i>Kruskal Wallis</i> bagi tahap kompetensi pengetahuan personel binaan terhadap kandungan modul pendidikan KKP      | 138 |
| Jadual 4.10 | Ringkasan keputusan ujian <i>Kruskal Wallis</i> bagi tahap kompetensi pengetahuan personel binaan terhadap kandungan topik latihan keselamatan | 140 |
| Jadual 4.11 | Kerangka kompetensi pengetahuan KKP dalam Pembinaan (Pengurusan)   | 143 |

|            |  |     |
|------------|--|-----|
| Jadual 5.1 | Sub modul tambahan yang dicadangkan untuk modul Sistem Pengurusan KKP                                      | 161 |
| Jadual 5.2 | Ulasan serta cadangan oleh kumpulan fokus terhadap dua (2) kerangka kompetensi pengetahuan personel binaan | 163 |

## SENARAI RAJAH

| NO.RAJAH  | TAJUK  | MUKA SURAT |
|-----------|--|------------|
| Rajah 1.1 | Kes kematian yang didaftarkan bawah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP, 2019) | 3          |
| Rajah 1.2 | Kerangka Konsep Kajian   | 8          |
| Rajah 1.3 | Punca-punca kemalangan di tapak bina   | 9          |
| Rajah 2.1 | Model Kompetensi <i>Iceberg</i>  | 21         |
| Rajah 2.2 | Model Konsep Pelan Induk KKP 2016-2020   | 25         |
| Rajah 3.1 | Kerangka operasi kajian  | 84         |
| Rajah 3.2 | Populasi dan sampel kajian bagi personel binaan yang mengikuti pendidikan KKP                | 86         |
| Rajah 3.3 | Populasi dan sampel kajian bagi personel binaan yang mengikuti latihan keselamatan           | 87         |
| Rajah 3.4 | Instrumen kajian   | 90         |
| Rajah 4.1 | Kerangka kompetensi pengetahuan KKP dalam Pembinaan (Individu)                               | 144        |

## SENARAI SINGKATAN

|         |   |   |
|---------|---|---|
| AS      | - | Amerika Syarikat  |
| BBM     | - | Bahan Bantu Mengajar                                    |
| BS      | - | British Standard  |
| CIDB    | - | Construction Industry Development Board                 |
| DOSH    | - | Department Occupational Safety and Health               |
| FMA     | - | Factories and Machinery Act                             |
| HIRARC  | - | Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control |
| IK      | - | Indeks Kesukaran  |
| IOSH    | - | Institution of Occupational Safety and Health           |
| IP      | - | Ilmu Pengetahuan  |
| IPTA    | - | Institusi Pendidikan Tinggi Awam                        |
| IPTS    | - | Institusi Pendidikan Tinggi Swasta                      |
| ILO     | - | International Labour Organization                       |
| ISO     | - | International Organization for Standardization          |
| JKKP    | - | Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan             |
| JPU     | - | Jadual Penentuan Ujian                                  |
| JSU     | - | Jadual Spesifikasi Ujian                                |
| KG      | - | Kemahiran Generik                                       |
| KI      | - | Kemahiran Insaniah                                      |
| KKP     | - | Keselamatan Kesihatan Pekerjaan                         |
| MS      | - | Malaysian Standard                                      |
| MSDS    | - | Material Safety Data Sheets                             |
| NIOSH   | - | Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan            |
| OSH     | - | Occupational Safety and Health                          |
| OSHA    | - | Occupational Safety and Health Administration           |
| OSHMP15 | - | Occupational Safety and Health Master Plan 2015         |
| PERKESO | - | Pertubuhan Keselamatan Sosial                           |
| PPE     | - | Personal Protective Equipment                           |
| PDCA    | - | Plan, Do, Check and Act                                 |
| SHE     | - | Safety and Health Executive                             |



|      |   |   |
|------|---|---|
| SHO  | - | Safety and Health Officer                           |
| SICW | - | Safety and Health Induction for Construction Worker |
| SPSS | - | Statistical Package for the Social Sciences         |
| UK   | - | United Kingdom                                      |
| US   | - | United States                                       |
| WSH  | - | Workplace Safety Health                             |

## SENARAI SIMBOL

|            |   |   |
|------------|---|---|
| $N_b$      | - | Bilangan responden yang menjawab betul sesuatu item |
| $R$        | - | Responden   |
| $N$        | - | Jumlah responden yang menjawab item tersebut        |
| $KR_{20}$  | - | Kruder-Richardson 20                                |
| $n$        | - | Bilangan item di dalam soalan                       |
| $p$        | - | Responden yang menjawab item dengan betul           |
| $q$        | - | Responden yang memberi jawapan yang salah           |
| $\sum pq$  | - | Jumlah hasil pekalian antara $p$ dan $q$            |
| $\sigma^2$ | - | Varian  |

## **SENARAI LAMPIRAN**

| <b>LAMPIRAN</b> | <b>TAJUK</b>                           | <b>MUKA SURAT</b> |
|-----------------|--|-------------------|
| Lampiran A      | Soal Selidik untuk Latihan Keselamatan | 190               |
| Lampiran B      | Soal Selidik Pendidikan KKP            | 199               |

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pengenalan**

Kompetensi pengetahuan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) merupakan keperluan utama dalam sesebuah organisasi pembinaan yang perlu dimiliki oleh personel binaan. Ini kerana istilah 3D iaitu kotor, berbahaya, sukar serta kadar kemalangan dan kematian yang tinggi memerlukan personel binaan yang berkemahiran tinggi serta mempunyai kompetensi pengetahuan KKP untuk mencegah kemalangan, kerosakan harta benda dan penyakit di tempat kerja. Isu keselamatan yang rapuh menjadi kebimbangan dan ancaman berbahaya kepada majikan dan pekerja binaan kerana mereka merupakan aset berharga bagi pembangunan sesebuah negara.


Di Malaysia kadar kemalangan maut bagi pekerja binaan amat membimbangkan kerana ia melibatkan satu pertiga daripada jumlah kemalangan yang sering berlaku di dalam pembinaan. Menurut Laporan Tahunan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) 2007-2016, melaporkan industri binaan sebagai penyumbang terbesar dan paling konsisten terhadap kematian yang tinggi yang disebabkan oleh sikap dan tingkahlaku pekerja ketika melaksanakan aktiviti pembinaan (JKKP, 2016). Laporan ini memberikan bukti jelas bahawa faktor kepada penyumbang utama kemalangan di tapak bina ialah tingkah laku manusia. Tingkah laku dan sikap pihak pengurusan beserta pekerja sering dipersoalkan kerana terjadinya kemalangan di tapak bina. Begitu juga dengan penggunaan tenaga kerja mahir, tidak mahir dan mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza juga membolehkan pekerja itu berpotensi tinggi untuk mendapat kemalangan dan kecederaan di tempat kerja.

Menyedari kepentingan melindungi pekerja dari kemalangan pekerjaan adalah merupakan satu kewajipan majikan, maka Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan

(CIDB) dan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan Malaysia (NIOSH) telah memainkan peranannya dalam memupuk budaya keselamatan melalui pendidikan KKP dan latihan keselamatan di kalangan personel binaan. Ianya bertepatan dengan Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam Industri Pembinaan iaitu personel binaan yang menguruskan keselamatan dan kesihatan mestilah boleh menguruskan risiko dengan menggunakan prinsip umum pencegahan kemalangan di tapak bina (Health Ministry of Resources, 2017). Oleh demikian, satu keperluan yang mendesak perlu diberi penekanan terhadap kompetensi pengetahuan personel binaan agar mempunyai pengetahuan untuk mencegah kemalangan, kecederaan dan kematian di tempat kerja.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Pengurusan keselamatan telah menekankan pendidikan KKP dan latihan keselamatan sebagai campur tangan keselamatan yang penting di dalam sesebuah organisasi pembinaan. Telah dipersetujui secara meluas bahawa organisasi perlu mempunyai personel binaan yang kompeten untuk mewujudkan persekitaran kerja lebih selamat berdasarkan pendidikan KKP dan latihan keselamatan yang telah dipelajarinya. Namun begitu setiap tahun, kemalangan di dalam industri binaan membawa kepada kematian kepada ramai pekerja binaan berlaku agak tinggi berbanding industri lain. Kebanyakan pihak pengurusan didapati kurang menerapkan aktiviti-aktiviti keselamatan dan kadangkala mereka tidak memberi sokongan sepenuhnya atau bersedia terhadap pelaksanaan keselamatan dalam syarikat mereka. Justeru itu, penekanan terhadap keselamatan pekerja mesti dititikberatkan agar mereka berupaya melindungi diri daripada kejadian yang boleh mendatangkan kemudaratan.



Rajah 1.1 Kes kematian yang didaftarkan bawah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP, 2019)

Berdasarkan kepada statistik dalam Rajah 1.1 menunjukkan kes kematian yang didaftarkan di bawah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) pada tahun 2012 - 2018. Didapati kes kematian pekerja yang disebabkan oleh pelbagai faktor penyebab yang berlaku di tapak bina berlaku setiap tahun dan didapati 34% hingga 54% daripada jumlah sebenar kes kematian tersebut adalah disebabkan oleh kurangnya kompetensi pengetahuan personel binaan. Punca kurangnya kompetensi pengetahuan personel binaan telah dikenal pasti melalui laporan pemerhatian yang dilaporkan oleh JKKP berdasarkan statistik tersebut iaitu gagal menasihati majikan atau pekerja mengenai langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil ketika bekerja, kurang pemantauan dan tidak menyediakan prosedur kerja selamat, kegagalan personel binaan memeriksa tempat kerja selamat, kegagalan melakukan pengenalpastian hazard, penaksiran risiko dan kawalan risiko ke atas kerja-kerja yang dilakukan oleh pekerja dan kegagalan dalam pengenalpastian hazard, membuat penaksiran risiko dan kawalan risiko (HIRARC).

Ini menunjukkan bahawa tahap kompetensi pengetahuan personel binaan berada pada tahap yang membimbangkan. Di samping itu terdapat satu keperluan dalam industri binaan untuk mengenal pasti tahap kompetensi pengetahuan personel binaan yang melaksanakan fungsi-fungsinya yang berkaitan dengan KKP di tapak bina. Dapatan daripada laporan statistik ini bertepatan dengan kajian yang dibuat oleh Ibrahim *et al.* (2015) mendapati kompetensi pengetahuan keselamatan di kalangan

personel binaan masih berada pada tahap sederhana dan terdapat juga perbezaan kompetensi pengetahuan di kalangan personel binaan yang telah dikenalpasti menjadi penyebab kepada pelbagai jenis kemalangan di tapak bina (Tong Chen *et al.*, 2011).

Masalah kurangnya tahap kompetensi pengetahuan personel binaan turut dialami di negara maju seperti syarikat pembinaan mempunyai rekod keselamatan yang lemah, pekerja kurang mempunyai maklumat tentang kemalangan pekerjaan, tidak wujud sistem pemberitahuan kemalangan dan semuanya ini merupakan faktor penghalang bagi peningkatan prestasi keselamatan sesebuah syarikat pembinaan (Fang *et al.*, 2004, Hamalainen *et al.*, 2006, Chiocha *et al.*, 2011; Chileshe dan Dzisi, 2012).

Dalam mengikut arus pembangunan berteknologi ini, banyak tuntutan dan cabaran yang dihadapi oleh personel binaan yang bukan sahaja diperlukan mempunyai kompetensi pengetahuan yang baik malahan perlu memperluaskan penekanannya terhadap kejuruteraan keselamatan dan juga pengurusan keselamatan. Ini menunjukkan bahawa selain pekerja, pengurusan KKP juga perlu mengenal pasti peranan dan kelakuan tertentu yang diperlukan untuk mengurus, menyelenggara dan membangunkan pekerja bagi mencapai matlamat mengurangkan kecederaan di tempat kerja (Adams, 2003; Blair, 2004, Mori dan Takebayashi, 2002).

Namun begitu, kejayaan sesebuah organisasi pembinaan dalam mengurangi kemalangan di tapak bina bukanlah berdasarkan kepada keberhasilan kerja semata-mata hasil daripada kompetensi pengetahuan personel binaan. Ianya akan lebih berkesan sekiranya terdapat gabungan interaksi di antara kognitif dan afektif di dalam diri personel binaan. Ini kerana kompetensi pengetahuan yang baik dimiliki oleh personel binaan adalah berkaitan dengan kecerdasan emosi yang dimilikinya.

Sampel kajian terdiri daripada personel binaan yang terdiri daripada kakitangan pembinaan peringkat teknikal dan pengurusan yang telah mengikuti pendidikan KKP dan latihan keselamatan. Kaedah *Bebola Salji (snowball sampling)* digunakan untuk mendapatkan responden yang mengikuti pendidikan KKP manakala kaedah pemilihan sampel mudah (*convenience sample*) pula digunakan bagi mendapatkan responden yang mengikuti latihan keselamatan. Kajian ini menggunakan

pendekatan kuantitatif melalui dua (2) set soal selidik yang direkabentuk sendiri oleh penyelidik berupa ujian soalan objektif bentuk tertutup dengan tiga (3) pilihan pelbagai jawapan.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Kewujudan Model Konsep Pelan Induk KKP 2016-2020 menunjukkan terdapat keperluan bagi personel binaan mendapatkan pengetahuan melalui pendidikan KKP dan latihan keselamatan bagi menjamin pengurangan kepada kadar kematian, kemalangan pekerja dan peningkatan pelaporan penyakit dan keracunan pekerjaan di tempat kerja (Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2016-2020, 2016). Justeru itu modul KKP dan latihan keselamatan yang ada dalam pembinaan mestilah lengkap mengandungi kompetensi pengetahuan pengurusan dan individu yang berkaitan dengan KKP di tempat kerja. Namun begitu kajian mendapati tidak ada elemen dalam modul pendidikan KKP dan latihan keselamatan yang lengkap dapat memenuhi keperluan kompetensi pengetahuan KKP personel binaan di tapak bina. Pernyataan ini disokong oleh dan Hassan *et al.* (1969) dan Pedro *et al.* (2018) yang menyatakan masih terdapat ketidakcukupan kandungan pendidikan KKP dan latihan keselamatan yang menyediakan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan yang diperlukan oleh personel binaan untuk memupuk persekitaran kerja yang selamat dan sihat. Oleh itu kajian ini mendapati terdapat keperluan untuk peralihan reformasi dalam modul pendidikan KKP dan latihan keselamatan yang berasaskan kompetensi pengetahuan dan subjek ini merupakan tujuan utama kajian ini dibuat oleh penyelidik.



#### **1.4 Persoalan Kajian**

Berpandukan kepada pernyataan di atas, kajian ini menggariskan enam (6) persoalan berikut iaitu:

1. Apakah tahap kompetensi pengetahuan personel binaan berdasarkan pendidikan KKP dan latihan keselamatan?
2. Adakah wujud perbezaan tahap kompetensi pengetahuan personel binaan berdasarkan kandungan modul pendidikan KKP dan latihan keselamatan?
3. Adakah wujud perbezaan antara institusi KKP dalam mempengaruhi tahap kompetensi pengetahuan personel binaan?
4. Adakah wujud perbezaan antara jam pembelajaran pendidikan KKP dengan tahap kompetensi pengetahuan personel binaan?
5. Adakah komponen-komponen kerangka modul kompetensi pendidikan KKP dan latihan keselamatan boleh meningkatkan tahap kompetensi pengetahuan personel binaan?
6. Adakah kerangka modul kompetensi pendidikan KKP dan latihan keselamatan bagi meningkatkan tahap kompetensi pengetahuan personel binaan sah?

#### **1.5 Matlamat dan Objektif Kajian**


Matlamat kajian ini adalah untuk membangunkan kerangka kompetensi pengetahuan keselamatan dan kesihatan pekerjaan personel binaan. Kajian ini telah menggariskan empat (4) objektif iaitu:-

1. Menenal pasti tahap kompetensi pengetahuan personel binaan berdasarkan pendidikan KKP dan latihan keselamatan

2. Menilai kandungan topik pendidikan KKP dan latihan keselamatan dalam mempengaruhi tahap kompetensi pengetahuan personel binaan
3. Membangunkan kerangka kompetensi keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang boleh meningkatkan tahap kompetensi pengetahuan personel binaan
4. Menilai kerangka kompetensi keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang sesuai digunakan untuk meningkatkan tahap kompetensi pengetahuan personel binaan

## **1.6 Kerangka Konsep Kajian**


Kerangka konsep kajian dibentangkan di dalam Rajah 1.2. Sebagai rumusan, untuk memperoleh pengetahuan KKP, personel binaan perlu mengikuti pendidikan KKP dan latihan keselamatan. Oleh itu adalah penting bagi mengenal pasti kandungan modul pendidikan KKP dan latihan keselamatan yang terkini perlu dipelajari oleh personel binaan. Ini kerana pendidikan KKP dan latihan keselamatan yang lengkap dapat membantu meningkatkan tahap kompetensi pengetahuan personel binaan dalam memainkan peranannya berkaitan KKP di tapak bina.



Rajah 1.2 Kerangka Konsep Kajian

## 1.7 Skop Kajian

Skop penyelidikan mencakupi subjek dan objek yang terlibat dalam penyelidikan sahaja. Penghuraian skop penyelidikan adalah merujuk kepada Rajah 1.3 yang menunjukkan punca-punca kemalangan yang sering berlaku di tapak bina (Holt, 2008).



Rajah 1.3 Punca-punca kemalangan di tapak bina

1. Punca kemalangan di tapak bina terbahagi kepada lima (5) kategori utama iaitu peralatan, kaedah tidak selamat, persekitaran kerja, tapak kerja yang unik dan pengurusan/pekerja. Skop kajian yang dikaji dalam kajian ini ialah kategori pengurusan/pekerja iaitu 33.5% penyumbang terbesar kepada kemalangan di tapak bina. Manakala fokus kepada permasalahan kajian di bawah kategori tersebut adalah kurang pengetahuan dan maklumat personel binaan terhadap KKP.
2. Kandungan modul pendidikan KKP dan topik latihan keselamatan yang digubal oleh CIDB dan yang dibangunkan oleh NIOSH dijadikan rujukan untuk membuat soal selidik yang berbentuk soalan objektif pelbagai pilihan

dan jawapan untuk menguji tahap kompetensi pengetahuan (kognitif) personel binaan.

3. Semua personel binaan yang terlibat dengan keselamatan dalam pembinaan terdiri daripada peringkat teknikal dan pengurusan sahaja.
4. Dalam kajian ini juga, pengkaji menggunakan kaedah penilaian selepas latihan (*post-training evaluation*) bagi mengukur tahap kompetensi pengetahuan personel binaan berdasarkan pendidikan KKP dan latihan keselamatan. Tiada penetapan jangkamasa tempoh pengalaman dan umur responden yang ditetapkan untuk menjawab soal selidik ini kerana pengkaji menggunakan kajian keratan rentas (*cross-sectional study*).

## **1.8 Kepentingan Kajian**

Sehingga kini tidak ada kajian di Malaysia yang memberi fokus kepada keberkesanan kompetensi pengetahuan personel binaan berdasarkan kepada pendidikan KKP dan latihan keselamatan. Secara amnya, kajian ini dapat membantu Bahagian Latihan dan Kurikulum Industri Binaan menambahbaik modul pendidikan KKP dan topik latihan keselamatan sedia ada bagi meningkatkan lagi kompetensi pengetahuan personel binaan dalam KKP di tapak bina.

## **1.9 Limitasi Kajian**

Kajian ini hanya menguji tahap kompetensi pengetahuan personel binaan. Terdapat tiga (3) kompetensi yang terlibat di dalam pembinaan iaitu kompetensi pengetahuan, kompetensi kemahiran dan kompetensi keperibadian. Kompetensi pengetahuan yang dimaksudkan ialah pengetahuan yang luas dan mendalam berkaitan dengan keselamatan. Manakala kompetensi-kompetensi lain seperti kompetensi kemahiran berkaitan dengan kemahiran khusus dan kompetensi keperibadian iaitu tingkahlaku adalah tidak termasuk di dalam kajian ini.

Kajian ini juga hanya tertumpu kepada sektor pembinaan sahaja dan tidak mengambilkira sektor-sektor lain seperti pembuatan, perlombongan dan pengkuarian, hotel dan restoran, pengangkutan, perhutanan dan komunikasi, perkhidmatan awam dan pihak berkuasa berkanun, kemudahan gas, elektrik dan perkhidmatan kebersihan, kewangan, insuran, hartanah dan perkhidmatan perniagaan.

## **1.10 Susunan Bab**

Garis kasar penyelidikan ini menerangkan kandungan laporan penyelidikan yang disusun dalam 6 Bab. Bab 1 merupakan pengenalan dan latar belakang kajian secara ringkas, pernyataan masalah yang berkaitan dengan kompetensi pengetahuan personel binaan, matlamat dan objektif kajian, skop kajian, kepentingan penyelidikan serta limitasi kajian. Teknik kutipan data serta instrumen kajian juga diterangkan secara ringkas dalam kajian ini. Seterusnya kerangka teori kajian dibangunkan untuk memberi panduan kepada pengkaji menjalankan kajian ini.

Bab 2 membincangkan sorotan literatur yang dipecahkan kepada dua (2) bahagian iaitu mengenalpasti kumpulan personel binaan yang perlu terlibat dengan KKP di tapak bina serta kepentingan mempunyai kompetensi pengetahuan dan nilai afektif yang baik ketika menjalankan tugas KKP di tapak bina. Selain itu bab ini juga membincangkan masalah yang terjadi apabila kurangnya kompetensi pengetahuan personel binaan ketika menjalankan tugas di tapak bina berdasarkan kepada pendidikan KKP dan latihan keselamatan. Seterusnya Bab 2 juga membincangkan kepentingan pendidikan KKP dan latihan keselamatan kepada personel binaan serta menerangkan hubungan objektif, hasil pembelajaran dan kompetensi pengetahuan yang sepatutnya diperolehi oleh personel binaan ketika menjalankan tugas KKP. Satu perbandingan garis panduan KKP dan latihan keselamatan serta kandungan modul pendidikan KKP dan topik latihan keselamatan di antara beberapa buah negara juga dibincangkan dalam bab ini.

Bab 3 menghuraikan kaedah penyelidikan dan prosedur pelaksanaan penyelidikan yang diringkaskan melalui kerangka operasi kajian. Borang soal selidik

yang mengandungi soalan objektif bentuk tertutup dengan 3 pilihan jawapan merupakan instrumen yang digunakan bagi menjawab objektif kajian. Begitu juga dengan hasil kajian rintis turut dibentangkan di bahagian ini.

Bab 4 pula membicarakan dapatan kajian yang telah diperolehi melalui analisis data yang dipilih dalam kajian ini. Secara asasnya analisis ini terbahagi kepada dua (2) bahagian iaitu analisis statistik deskriptif dan analisis statistik inferensi. Perbincangan kepada hasil analisis ini dihuraikan dalam bab seterusnya. Dua (2) kerangka kompetensi pengetahuan KKP iaitu Kerangka Kompetensi Pengetahuan KKP dalam Pembinaan (Pengurusan) dan Kerangka Kompetensi Pengetahuan KKP dalam Pembinaan (Individu) juga dibangunkan dalam bab ini sebagai sumbangan penyelidikan pengkaji dalam kajian ini.

Bab 5 melibatkan perbincangan kepada dapatan kajian yang diperolehi di dalam Bab 4. Penghuraian statistik inferensi ini mendominasi hampir keseluruhan perbincangan di dalam bab ini beserta sokongan dapatan kajian literatur daripada pengkaji terdahulu. Huraian terhadap dua (2) kerangka kompetensi pengetahuan KKP iaitu Kerangka Kompetensi Pengetahuan KKP dalam pembinaan (Pengurusan) dan Kerangka Kompetensi Pengetahuan KKP dalam Pembinaan (Individu) beserta ulasan daripada kumpulan fokus turut dibincangkan di dalam bab ini.

Bab 6 merupakan bab terakhir yang berkaitan dengan rumusan kepada dapatan kajian yang menjawab kepada objektif kajian yang telah dijalankan serta sumbangan hasil kajian yang dibuat oleh penyelidik. Beberapa cadangan penyelidikan lanjutan ke arah meningkatkan kompetensi pengetahuan personel binaan juga turut dibincangkan di dalam bab ini. Seterusnya dengan merujuk kepada kerangka konsep kajian yang dinyatakan dalam 1.6 dapat menjelaskan lagi secara kasar penyelidikan yang dibuat oleh penyelidik.

## **1.11 Rumusan**

Secara keseluruhan bab ini menjelaskan tentang latar belakang kepada permasalahan kajian yang berkaitan dengan keberkesanan pendidikan KKP dan latihan keselamatan terhadap tahap kompetensi pengetahuan personel binaan di tapak bina sebagai jurang di dalam penyelidikan ini. Objektif dan justifikasi kajian juga dijelaskan dalam kajian ini. Kerangka konsep kajian dicadangkan di dalam bab ini bagi membantu pengkaji menjalankan kajian seterusnya.



## RUJUKAN

